



|                   |  |                    |                         |
|-------------------|--|--------------------|-------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>61 perantis Vale jalani latihan di Brazil</b> |                    |                         |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Utusan Online(www.utusan.com.my)</b>          |                    |                         |
| <b>Date</b>       | <b>14 May 2013</b>                               | <b>Color</b>       | <b>Full Color</b>       |
| <b>Section</b>    | <b>NEWS</b>                                      | <b>Circulation</b> | <b>300</b>              |
| <b>Page No</b>    | <b>5</b>   | <b>Readership</b>  | <b>8</b>                |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>                                     | <b>ArticleSize</b> | <b>0 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>N/A</b>                                       | <b>AdValue</b>     | <b>RM 1,500</b>         |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>                                     | <b>PR Value</b>    | <b>RM 4,500</b>         |

## 61 perantis Vale jalani latihan di Brazil

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8818119862&amp;z=1650248895](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8818119862&amp;z=1650248895)

IPOH 14 Mei - Sebanyak 61 pelatih daripada Program Perantis Vale S.A (Vale) akan berlepas ke Brazil esok bagi menjalani latihan kerja selama empat bulan di pusat operasi syarikat pengeluar bijih besi terbesar dunia itu. Pengarah Vale Malaysia Minerals Sdn. Bhd., Marcelo Figueiredo berkata, kumpulan tersebut yang terdiri daripada 50 lelaki dan 11 wanita sebelum ini menjalani latihan teori dan praktikal selama enam bulan di Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (Mimet) di Lumut. Katanya, kesemua mereka yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan latar belakang juga menjalani latihan di tapak projek pembinaan pusat pengedaran bijih besi Vale, di Teluk Rubiah. "Saya harap mereka akan menggunakan peluang keemasan ini untuk mendapatkan segala ilmu yang berkaitan sebaik-baiknya. Jangan takut atau malu, Vale akan membantu dan menjaga anda sebaik-baiknya di sana," katanya selepas majlis ucap selamat kepada kumpulan berkenaan di sini hari ini. Yang turut hadir Ketua Eksekutif Invest Perak, Datuk Ir. Muhammad Hafni Ibrahim. Menurut Marcelo, selama empat bulan berada di Brazil, kumpulan tersebut akan dilatih pakar-pakar Vale dalam pelbagai aspek mekanikal, elektrik serta keselamatan untuk meningkatkan pengetahuan serta pemahaman mereka mengenai industri bijih besi. "Peluang ini merupakan permulaan untuk kerjaya yang lebih baik dalam industri ini. Sebaik menamatkan latihan di Brazil, mereka yang menunjukkan prestasi baik akan kami tawarkan bekerja secara tetap di tapak projek kami di Teluk Rubiah. "Selain kumpulan berkenaan, terdapat dua kumpulan pelatih sebanyak 136 orang sedang menjalani latihan mereka di UniKL. Mereka yang cemerlang akan melalui proses sama. Langkah ini kami lakukan selaras dengan matlamat syarikat mahu mengambil seramai mungkin tenaga kerja tempatan," katanya. Sementara itu, pelatih, Muhamad Faizal Mohd. Zaki, 31, mengaku sangat teruja untuk mendalami ilmu pembuatan bijih besi di Vale, Brazil. "Peluang ini akan saya gunakan sebaik-baiknya untuk menambah ilmu dan pengetahuan yang ada dalam bidang kejuruteraan elektrik. Terima kasih atas peluang ini dan saya berjanji akan melakukan yang terbaik," katanya yang bekerja dalam bidang kejuruteraan elektrik selama tujuh tahun di Kajang, Selangor.